

165385

40000



HADIAH

**TEKANAN KERJA DI KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH
GABUNGAN KOTA KINABALU: KAJIAN DARI ASPEK
FAKTOR DEMOGRAFI.**



NORLIZAH BINTI MATSHAH

PS03-007(K)-027

**SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

TEKANAN KERJA DI KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DI BEBERAPA BUAH

SEKOLAH GABUNGAN KOTA KINABALU : KAJIAN DARI ASPEK FAKTOR DEMOGRAFI.



NORLIZAH BINTI MATSHAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2006

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

.....

Tarikh

.....

Nama:

No.Matrik:



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya berhasil menyiapkan laporan akhir penulisan kajian ilmiah ini dengan jayanya. Di sini, saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak dan individu-individu secara langsung dan tidak langsung.

Penghargaan kepada Prof. Dr. Md. Shuaib Che Din, Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial dan Encik Beddu Salam Baco, Penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan semangat, serta memahami keadaan saya yang tiada pengalaman dalam penulisan ilmiah. Beliau telah memantau penulisan ini sehingga selesai. Tanpa sokongan dan tunjuk ajar dari beliau, pasti saya akan menghadapi kesukaran dalam menyiapkannya. Juga kepada Penyelaras Program, Drs. Muhammad Sophian Nazaruddin di atas segala kerjasama yang telah diberikan.

Terima kasih kepada pengetua dan para guru yang telah memberi kerjasama termasuk guru yang membantu. Juga kepada rakan sekuliah di mana bersama berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman, serta seorang rakan baik yang memahami dan menolong dalam permasalahan saya mengenai penggunaan komputer.

Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga, istimewa buat suami, anak-anak, ibubapa dan adik-beradik tercinta yang mana banyak masa untuk bersama terpaksa dikorbankan. Semoga Allah S.W.T memberkati segala usaha kita. Amin.

ABSTRAK

TEKANAN KERJA DI KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH GABUNGAN KOTA KINABALU : KAJIAN DARI ASPEK FAKTOR DEMOGRAFI.

Kajian ini dijalankan untuk melihat tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru sekolah menengah di beberapa buah sekolah menengah di gabungan Kota Kinabalu, sama ada terdapat perbezaan dari aspek faktor demografi terpilih seperti umur, jantina, bilangan anak, tahap pendidikan, pengalaman mengajar dan bangsa. Seramai 126 orang subjek telah terlibat yang dipilih secara rawak. Alat kajian yang digunakan ialah *Job Stress Survey* (JSS) yang telah dialihbahasakan ke dalam Bahasa Melayu. Data-data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan ujian t. Keputusan kajian telah mendapati bahawa faktor demografi jantina sahaja yang menunjukkan perbezaan signifikan. Secara kesimpulannya, didapati bahawa guru-guru wanita mengalami tekanan yang lebih tinggi berbanding dengan guru-guru lelaki.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

JOB STRESS AMONG THE SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN FEW SCHOOLS AROUND KOTA KINABALU REGION : RESEARCH FROM THE ASPECT OF DEMOGRAPHIC FACTORS SELECTED.

The purpose of this research is to investigate the job stress among the secondary school teachers in few schools around Kota Kinabalu region as whether it shows a difference from the selected demographics factors such as age, gender, number of children, academic background, working experience and race. The sample for this study consisted of 126 teachers which were randomly selected. This research used Job Stress Survey (JSS) which has been translated into Bahasa Melayu. All data gathered had been analyzed using t-test. Results showed that demographics factors such as age, number of children, academic background, working experience and race did not show significant differences in the job stress felt among secondary school teachers. Only the factor of gender showed a significant difference in which female teachers are more stressed compared to the male teachers.

SENARAI SINGKATAN

dk	darjah kebebasan
F	Nilai kiraan f
IAB	Institut Aminuddin Baki
JSS	<i>Job Stress Survey</i>
k	Aras kesignifikan
keb	kebangsaan
men	menengah
N	Bilangan subjek
NUTP	The National Union of Teaching Profession
S.P	Sisihan Piawai
sek	sekolah
SKT	Sasaran Kerja Tahunan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
St.	Saint
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
t	Keputusan ujian t
t.th	Tanpa tarikh
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UPM	Universiti Putra Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
TAJUK KAJIAN	i
PENGAKUAN DAN PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI SINGKATAN	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	6
1.3	Tujuan Kajian	11
1.4	Rasional Kajian	12
1.5	Sorotan Kajian Lepas	14
1.6	Pendekatan Model	23
1.7	Kerangka Teoretikal	26
1.8	Definisi Konsep	27
1.8.1	Tekanan Kerja	27
1.8.2	Guru Sekolah Menengah	29
1.8.3	Sekolah Kategori Bandar	30
1.8.4	Faktor Demografi	30
1.8.4.1	Umur	30
1.8.4.2	Jantina	31
1.8.4.3	Tempat Bertugas	31
1.8.4.4	Bilangan Anak	31
1.8.4.5	Tahap Pendidikan	31
1.8.4.6	Pengalaman Bekerja	31
1.8.4.7	Bangsa	31
1.9	Hipotesis	32

BAB 2 KAEDAH KAJIAN

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Reka Bentuk Kajian	33
2.3	Subjek Kajian dan Jenis Pensampelan	33
2.4	Tempat Kajian	34
2.5	Alat Kajian	34
2.6	Tatacara Kajian	36
2.7	Analisis Data Statistik dan Aplikasi SPSS	37
2.7.1	Analisis Data Deskriptif	38
2.7.2	Analisis Data Inferensi	38

BAB 3 KEPUTUSAN KAJIAN

3.1	Pendahuluan	39
3.2	Keputusan Analisis Data Deskriptif	39
3.3	Keputusan Analisis Data Inferensi - Pengujian Hipotesis menggunakan Ujian t	42
3.3.1	H ₁ : Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang berumur 32 tahun ke bawah dan 33 tahun ke atas.	42
3.3.2	H ₁ : Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru lelaki dan guru wanita	43
3.3.3	H ₁ : Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang bertugas di bandar dan di luar bandar.	44
3.3.4	H ₁ : Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang mempunyai bilangan anak yang berbeza.	45
3.3.5	H ₁ : Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang memiliki ijazah dan diploma.	46
3.3.6	H ₁ : Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang berpengalaman 10 tahun ke bawah dan berpengalaman 11 tahun ke atas.	46
3.3.7	H ₁ : Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang berbangsa Melayu dan Kadazandusun.	47
3.4	Rumusan	48

BAB 4 PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	49
4.2	Perbincangan Pengujian Hipotesis	51
4.2.1	Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang berumur 32 tahun ke bawah dan yang berumur 33 tahun ke atas.	52
4.2.2	Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru lelaki dan guru wanita.	53
4.2.3	Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang bertugas di bandar dan luar bandar.	56
4.2.4	Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang mempunyai bilangan anak yang berbeza.	60
4.2.5	Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang memiliki ijazah dan diploma.	61
4.2.6	Terdapat perbezaan tekanan kerja di antara guru berpengalaman 10 ke atas dan guru yang berpengalaman 10 tahun ke bawah.	62
4.2.7	Terdapat perbezaan tekanan kerja yang signifikan di antara guru yang berbangsa Melayu dan Kadazandusun.	63

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pendahuluan	64
5.2	Implikasi Kajian	64
5.3	Cadangan Kajian	70
5.4	Limitasi Kajian	72
5.5	Rumusan	74

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 3.2.1:	Taburan Sampel Kajian Mengikut Umur.	41
Jadual 3.2.2:	Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina.	41
Jadual 3.2.3:	Taburan Sampel Kajian Mengikut Tempat Bertugas.	41
Jadual 3.2.4:	Taburan Sampel Kajian Mengikut Bilangan Anak.	41
Jadual 3.2.5:	Taburan Sampel Kajian Mengikut Tahap Pendidikan.	41
Jadual 3.2.6:	Taburan Sampel Kajian Mengikut Pengalaman Bertugas.	42
Jadual 3.2.7:	Taburan Sampel Kajian Mengikut Bangsa.	42
Jadual 3.3.1:	Keputusan ujian t pembolehubah umur dan tekanan kerja.	43
Jadual 3.3.2:	Keputusan ujian t pembolehubah jantina dan tekanan kerja.	44
Jadual 3.3.3:	Keputusan ujian t pembolehubah tempat bertugas dan tekanan kerja.	44
Jadual 3.3.4:	Keputusan ujian t pembolehubah bilangan anak dan tekanan kerja.	45
Jadual 3.3.5:	Keputusan ujian t pembolehubah tahap pendidikan dan tekanan kerja.	46
Jadual 3.3.6:	Keputusan ujian t pembolehubah pengalaman mengajar dan tekanan kerja.	47
Jadual 3.3.7:	Keputusan ujian t pembolehubah bangsa dan tekanan kerja.	48

SENARAI RAJAH

Rajah 1.6:	Model Tekanan Kerja Guru.	24
Rajah 1.7:	Kerangka Teoretikal Kajian.	26



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam usaha membangunkan negara, peranan dan tanggungjawab guru adalah amat besar. Menurut bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohammad di dalam kata alu-aluannya sempena sambutan hari guru peringkat kebangsaan pada tahun 1994, beliau mengibaratkan peranan guru sebagai pertahanan negara di bahagian belakang membantu para askar di bahagian hadapan. Menurutny lagi, keutuhan dan kekukuhan negara serta kesejahteraan rakyat memerlukan kedua-dua bentuk pertahanan ini sama kuat.

Walau bagaimanapun, di zaman atau era globalisasi yang bergerak serba pantas yang mana segala maklumat berada di hujung jari tanpa sempadan, para intelektual sepakat menyatakan bahawa pembangunan modal insani seharusnya diperkukuhkan sebagai benteng utama pertahanan negara (Pendidik, April 2006:5). Ledakan maklumat pada masa kini memungkinkn segalanya berlaku yang mana penjajahan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk tidak hanya dengan sekadar mengambil atau merampas tanah jajahan dengan terang-terangan. Lihat saja di persekitaran kita pada masa kini yang mana kadang kala telah menjadi agak sukar mengenali anak bangsa sendiri kerana ramai yang telah bermata biru, berambut perang, dan pertuturan juga ala-ala 'mat salleh'. Senario ini sebenarnya satu bentuk

penjajahan tetapi lebih bersifat intelektual tetapi jika tidak diberikan perhatian sewajarnya pasti kesannya akan merugikan negara. Tentu kita tidak mahu golongan anak bangsa tidak mengaku lagi bahawa mereka adalah anak Melayu malahan berbangga menjulang budaya barat.

Rakyat adalah aset negara paling berharga. Pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga adalah salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap itu, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama (Pendidik, Mei 2006:9).

Oleh yang demikian, kemakmuran, kemajuan, dan keutuhan sesebuah negara adalah bergantung kepada insan-insan yang menerajuinya dan menghuninya. Belia cemerlang dan gemilang tentulah akan meletakkan negara menjadi terbilang. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan generasi yang stabil dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial maka tentunya bidang pendidikan merupakan saluran tepat untuk merealisasikan hasrat murni ini. Maka tidak hairanlah jika setiap kali belanjawan negara

diumumkan, sejumlah wang yang besar telah diperuntukkan di bawah Kementerian Pelajaran dengan tujuan memberikan pendidikan terbaik kepada anak bangsa.

Apapun bentuk dasar dan perancangan strategik yang akan diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran di dalam membentuk modal insani selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara, apa yang pasti adalah amanah, harapan serta hasrat murni ini akan dipikul oleh para guru. Merekalah golongan yang akan menggalas tanggungjawab berat ini dengan sepenuhnya.

Apatah lagi di dalam dunia serba canggih ini dengan arus perubahan yang begitu pantas bergerak, tugas mendidik bukanlah suatu tugas mudah. Menurut Faridah dan Zubaidah (2000), profesion perguruan di Malaysia kini semakin kompleks yang mana peranan guru bukan lagi khusus kepada mengajar, mendidik dan membimbing sahaja, malah ianya telah berkembang ke tahap pengsosialisasian, penggalakkan, pengilhaman, penyaluran nilai, penyemaian rasa hormat dan apresiasi kritikal dalam diri pelajar.

Bukan itu sahaja, kemahiran dalam bidang pengkhususan atau ikhtisas saja belum cukup untuk menjadikan anda seorang guru yang baik. Profesion perguruan kini menuntut anda memahirkan diri dalam bidang lain seperti komunikasi, psikologi, teknologi maklumat, perkembangan dunia semasa dari pelbagai sudut seperti sukan, hiburan mahupun aliran fesyen dan kegemaran remaja masa kini (Pendidik, Mei 2006:8). Tentu anda pernah malahan mungkin biasa mendengar bagaimana seorang guru teresak-esak menangis kerana tidak berjaya mengawal kelas dan pelajar-pelajar tidak endah dengan pengajarannya. Walhal si guru tadi bukan calang-calang kelulusannya dalam mata pelajaran yang diajar olehnya.

Sama halnya dengan seorang guru kerana bijak dalam bidang komunikasi dan memahami psikologi remaja berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan apatah lagi si guru tadi arif tentang perkembangan hiburan terkini yang menjadi kegilaan remaja dan dengan hanya menyanyikan bait-bait lagu 'hit' semasa, dia berjaya memancing minat pelajar-pelajar untuk menyukai dirinya. Sebagai bonus, guru berkenaan mudah melaksanakan tanggungjawabnya kerana mendapat kerjasama yang sewajarnya dari para pelajar.

Pendek kata, menjadi guru menuntut seseorang itu bijak memainkan pelbagai peranan dan kemahiran (Omardin, 1998). Adakalanya seorang guru itu perlu menjadi jururawat menjaga pelajar yang jatuh sakit, menjadi pemandu menghantar pelajar sakit balik ke rumah atau ke hospital, menjadi akauntan dan juruwang mengendalikan kewangan kelas mahupun persatuan, menjadi kaunselor mendengar pelbagai masalah dan perkongsian pelajar, pengurus untuk majlis ataupun program-program tertentu, menjadi seorang ibu, kakak, kawan dan kadang kala juga sebagai tukang sapu membersihkan kelas atau bilik sendiri.

Maka tidak hairanlah jika semakin banyak kedengaran keluhan pihak guru mengenai beban tugas mereka. Permasalahan perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan satu sistem sokongan dari pengetua dan rakan sekerja yang kukuh dan rangkaian masalah lain yang tidak diselesaikan dengan adil dan memuaskan telah mengakibatkan ramai guru meletakkan jawatan, berhijrah ke profesion lain atau memohon untuk bersara awal. Paling menyedihkan ialah ada antara guru-guru ini yang mengalami tekanan psikologi dan mental yang

bukan sahaja membahayakan diri mereka sendiri malahan juga pelajar-pelajar yang diajar di sekolah (Utusan Malaysia, 1998: dalam Faridah & Zubaidah, 2000).

Profesion perguruan dikatakan antara bidang profesion yang amat memberikan tekanan (Greenglass, 2000; Chua, 2001; Noriah, 1995). Kajian-kajian di barat mendapati bahawa tekanan di kalangan guru meningkat setiap tahun (Kyriacou, 1986). Dapatan yang sama juga ditemui di Malaysia. Menurut Myrtle et al. (1989 dalam Noriah, 1995), 30% dari kalangan guru-guru yang bekerja dengan Kementerian Pelajaran Malaysia mengalami masalah tekanan.

"Stress is the spice of life, the absence of stress is death", adalah ungkapan Hans Selye yang lebih dikenali sebagai *'the father of stress research'* ini jelas menggambarkan bagaimana tekanan itu telah menjadi sebahagian dari kehidupan seorang manusia dan kita tidak akan pernah lari daripadanya selagi bernyawa (Geber, 1996). Antara waktu-waktu yang paling banyak memberikan tekanan kepada manusia ialah semasa bekerja dan biasanya kita menghabiskan 8 hingga 9 jam sehari dan 5 hingga 6 hari seminggu untuk bekerja (Mohad, 1995).

Walau dikatakan bahawa golongan guru punya kurang waktu bekerja berbanding profesion lain tetapi sorotan kajian-kajian tekanan ke atas pekerjaan, menjadikan para guru sebagai subjek kajian utama. Kajian-kajian juga telah banyak dijalankan untuk mengkaji kesan tekanan kerja dalam banyak jenis pekerjaan dan dapatannya jelas menunjukkan bahawa para ahli akademik antara yang paling tinggi mengalami tahap tekanan kerja (Vun, 2004).

1.2 Permasalahan Kajian

Ekspektasi masyarakat yang tinggi dengan profesion perguruan memang wajar tetapi tuntutan-tuntutan tersebut kadang kala menuntut guru agar menjadi hebat dalam banyak perkara. Jika boleh, mereka harus menjadi seperti '*superhero*' dalam banyak aspek bagi memenuhi tuntutan masyarakat. Bidang tugas guru pada masa kini bukan sahaja tertakluk dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran semata-mata. Walau itu merupakan tugas utama mereka tetapi guru juga harus memikul pelbagai tanggungjawab lain seperti menjadi ketua bidang, ketua panitia, setiausaha peperiksaan, penyelaras pusat sumber dan pelbagai lagi jenis tugas dan tanggungjawab lain. Setiap bidang tugas itu pula punya skop kerja dan tugas yang perlu dilaksanakan. Dalam banyak keadaan, seorang guru akan memegang lebih dari dua atau tiga tanggungjawab. Sebagai contoh, menjadi guru mata pelajaran, ketua panitia dan guru penasihat unit beruniform. Ini belum lagi mengambil kira tugas-tugas yang akan dipikul apabila sekolah menganjurkan program-program mahu pun aktiviti seperti majlis hari anugerah cemerlang, sukan, aktiviti pemantapan akademik dan sebagainya. Dalam keadaan begini, seorang guru akan diarahkan untuk menjadi penyelaras dan bersedia dengan kertas kerja. Setelah sesuatu program atau aktiviti selesai, mereka juga harus menyiapkan laporan lengkap. Ada yang akan menjadi juru acara mengendalikan majlis, ada yang dipertanggungjawabkan menghias pentas, menyediakan buku aturcara, menyediakan jamuan dan sebagainya. Inilah yang dimaksudkan bahawa seorang guru itu harus bijak dan mahir melakukan pelbagai tugas.

Selain itu, guru-guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka harus pula berdepan dengan kerenah pelajar yang pelbagai dengan aras kecerdasan, minat dan kemahiran yang berbeza-beza. Selain itu, mereka juga harus berhadapan dengan pelbagai faktor persekitaran samada secara fizikal dan psikologi. Semua ini pasti menuntut nilai kesabaran yang tinggi kerana guru juga adalah manusia biasa yang juga mempunyai kelemahan dan batasan. Tambahan lagi, apabila seorang guru itu tidak mampu menangani keadaan-keadaan tersebut maka di sinilah akan timbul apa yang dikatakan tekanan kerja di kalangan guru-guru.

Satu siri kajian yang telah dijalankan oleh Kyriacou dan Sutcliffe mendapati 29.3%, 19.9%, 23.4% dan 34.7% menandakan bahawa profesion perguruan adalah satu bidang tugas yang memberikan tekanan yang tinggi ataupun sangat tinggi (Kyriacou, 1986). Menurut Yahya (1998 dipetik dalam Vun, 2004) beribu orang guru mengambil persaraan awal disebabkan oleh bebanan kerja yang berat yang menjadikan guru-guru merasa sangat kecewa dan mengalami disilusi. Walaupun masyarakat meletakkan harapan yang tinggi terhadap profesion ini tetapi mereka tidak memandang tinggi ke atas kerjaya ini berbanding dengan bidang kerjaya lain seperti doktor, jurutera, akauntan mahupun arkitek.

Apatah lagi sejak kebelakangan ini, imej atau martabat profesion perguruan menjadi tumpuan pihak media massa dengan pelbagai cerita negatif yang berlaku dalam profesion perguruan ini. Media massa telah melaporkan bahawa lebih 1,000 orang guru mengalami gangguan psikologikal dan berpuluh-puluh lagi juga memohon untuk bersara awal. Selain itu, berita-berita tentang pelajar didera oleh segelintir guru, pelajar dihentak ke meja, pelajar ditumbuk atau ditampar sehingga

cedera di mata, telinga, atau tangan patah telah mencacatkan imej profesion ini (Berita Harian, 1996: dalam Tam et al, 1999).

Kejadian-kejadian tersebut dikatakan mempunyai kaitan yang rapat dengan tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru. Seseorang pekerja yang merasa tertekan dengan kerjanya cenderung menampakkan perubahan tingkah laku pada masa yang terdekat atau pada masa hadapan. Ada yang akan kerap merokok, sukar tidur, bersikap pasif dan agresif serta pelbagai andaian tingkah laku yang negatif (Jong, 2000). Mahmud Nazar Mohammed (1990 di petik dalam Jong, 2000) berpendapat bahawa tekanan di tempat kerja boleh mengakibatkan masalah-masalah psikosomatik seperti penyakit jantung.

Menurut Geber (1996), tekanan merupakan suatu isu masalah kesihatan yang paling besar di Amerika di mana 80%-90% kemalangan dalam industri yang berlaku dikaitkan dengan masalah emosi. Kecederaan yang berpunca dari faktor tekanan juga menyumbang 70% jumlah ketidakhadiran pekerja menyebabkan penurunan produktiviti sebanyak 10%. Menurut Ilo (1993) dalam *World Labour Report*, fenomena stres telah menjadi satu isu kesihatan yang paling serius dalam abad yang ke-20 iaitu satu zaman yang mengalami pelbagai cabaran dan perubahan dari segi struktur ekonomi dan pembangunan. Kesan negatif daripada tekanan bukan lagi merupakan satu permasalahan peribadi yang ditanggung oleh pekerja sahaja, tetapi ia merupakan masalah bersama yang ditanggung oleh majikan, swasta dan kerajaan. Pekerja mungkin akan menyalurkan masalah peribadi atau masalah keluarga ke atas pekerjaan mereka. Begitu juga masalah kerja mungkin akan dibawa balik ke rumah. Akibat daripada itu, pelbagai masalah

sampingan akan timbul seperti peningkatan dalam kes penderaan kanak-kanak dan isteri, remaja lari dari rumah, remaja terlibat dengan dadah dan sebagainya (Chua, 2002)

Gmelch dan Swent (1984) mendapati bahawa punca utama tekanan yang dialami oleh para guru adalah dari persekitaran tempat kerja. Sampel kajian telah mengambil kedua-dua golongan guru yang mengajar di sekolah rendah dan sekolah menengah (Brimun, 1981: dalam Blix & Lee, 1991). Dalam kerjaya perguruan, guru-guru terpaksa berhadapan dengan tuntutan kurikulum yang berat, pelbagai permasalahan pelajar, mengejar kekangan masa, berurusan dengan pihak ibubapa, masyarakat setempat. Juga dalam keadaan bebanan kerja begini, ada guru yang terpaksa bekerja dalam suasana pekerjaan yang serba serbi daif dari aspek kemudahan, pengurusan pihak pentadbir yang tidak cekap dan kurang sokongan dari ibu bapa (Roselina et al. 2003: dalam Vun, 2004).

Tambahan lagi dalam arus perubahan dunia yang bergerak terlalu pantas menuntut banyak perubahan di dalam sistem pendidikan seiring dengan perubahan semasa. Jika dahulu penggunaan komputer hanya terdapat di bandar-bandar besar tetapi kini hampir kesemua sekolah-sekolah di luar bandar juga telah dilengkapi dengan kemudahan ini. Walau tidak selengkap mana, tapi hampir setiap individu termasuk kanak-kanak tahu apa itu komputer. Arus perkembangan dalam bidang seperti teknologi maklumat ini juga menyumbang kepada rasa kurang kompeten di kalangan sebahagian guru, dan oleh yang demikian mereka akan merasa lebih tertekan (Terry, 1997: dalam Vun, 2004).

Oleh yang demikian, Zawawi Jahya menyatakan bahawa tuntutan untuk mencari, memperluas, memperdalam dan menyelongkar segala pelosok ilmu menjadi semakin kritikal dan mendesak. Ini kerana masyarakat di seluruh dunia amnya mengalami pelbagai masalah sosial dalam kehidupan mereka terutamanya apabila berhadapan dengan kehidupan moden (Pendidik, April 2006:65-68).

Dalam mengharungi kehidupan dunia yang amat mencabar serta memikul bebanan kerjaya yang penuh dengan tekanan, ramai guru yang mengalami *'burn-out'* impak dari himpitan-himpitan tekanan yang melampau. Dan akhirnya ramai guru-guru yang berhenti kerja, memohon bersara awal, berpindah ke profesion lain atau menghadapi pelbagai permasalahan mental dan emosi seperti yang telah dinyatakan (Chua, 2001; Faridah & Zubaidah 1999; Noriah, 1995). Perkara ini haruslah direnung bersama dengan sewajarnya kerana peranan yang dimainkan serta tanggungjawab yang dipikul oleh guru adalah sangat penting dalam memartabatkan agama, bangsa dan negara. Tentunya kita tidak mahu generasi akan datang yang bakal menerajui tunggak negara di ajar dan dididik oleh golongan-golongan yang 'sakit'.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji amat tertarik untuk melihat sama ada terdapat perbezaan tekanan kerja dari beberapa aspek faktor demografi seperti umur, jantina, tempat bertugas, bilangan anak, tahap pendidikan, pengalaman mengajar dan juga bangsa. Diharapkan apa juga bentuk dapatan yang akan diperolehi akan memberikan gambaran-gambaran ataupun dimensi-dimensi baru dalam memahami tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru. Adalah diharapkan agar dapatan kajian ini kelak akan membawa banyak kebaikan kepada

pelbagai pihak terutamanya dalam menjulang martabat profesion perguruan itu sendiri.

Dengan mengambil kira perbincangan sebelumnya, adalah jelas untuk kita melihat betapa besarnya amanat yang harus dipikul oleh para guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka mendidik anak bangsa. Bukan mudah untuk mendidik apatah lagi status '*role model*' itu harus dipikul sepanjang masa. Kesilapan sedikit kadangkala akan mengundang pelbagai masalah. Pelajar biasanya lebih mudah percaya dengan apa yang disampaikan oleh guru-guru mereka. Malahan mereka suka memerhati setiap gerak-geri dan perilaku guru mereka. Hingga ke satu tahap, mereka lebih percaya dengan guru dari ibubapa mereka sendiri.

1.3 Tujuan Kajian

Secara umumnya, tujuan kajian ini adalah untuk melihat samada terdapat perbezaan yang signifikan ke atas tekanan kerja guru-guru sekolah menengah di beberapa buah sekolah di gabungan Kota Kinabalu dari aspek faktor-faktor demografi yang dipilih. Secara khususnya, tujuan kajian ini adalah;

- 1.3.1. Melihat perbezaan tekanan kerja guru-guru mengikut kategori umur.
- 1.3.2. Melihat perbezaan tekanan kerja di antara guru lelaki dan guru wanita.
- 1.3.3. Melihat perbezaan tekanan kerja di antara guru yang bertugas di bandar dan guru yang bertugas di luar bandar.
- 1.3.4. Melihat perbezaan tekanan kerja guru-guru mengikut bilangan anak.
- 1.3.5. Melihat perbezaan tekanan kerja guru-guru mengikut tahap pendidikan.
- 1.3.6. Melihat perbezaan tekanan kerja guru-guru mengikut pengalaman bekerja.

1.3.7. Melihat perbezaan tekanan kerja guru-guru mengikut bangsa.

1.4 Rasional Kajian

Kajian ini perlu kerana walaupun ada terdapat kajian yang mengkaji tekanan kerja dengan beberapa pihak lain seperti jururawat (Saralah, 2002), para pelajar institusi pengajian tinggi UMS misalannya (Ong, 2002) dan ahli akademik seperti para pensyarah (Vun, 2004) tetapi adalah masih kurang kajian tekanan kerja yang dijalankan ke atas guru-guru sekolah menengah di Sabah ini. Sedangkan beberapa tahun kebelakangan ini, profesion perguruan menjadi tumpuan banyak pihak serta mendapat liputan meluas oleh media-media massa (Faridah & Zubaidah, 1999). Apatah lagi apabila imej atau martabat profesion perguruan dicemar dengan gambaran-gambaran buruk tentang tingkah laku segelintir kaum guru yang tidak berdisiplin.

Isu guru-guru yang menghadapi masalah kesihatan mental telah menjadi isu besar di dalam masyarakat dan diberikan tumpuan hebat oleh pihak akhbar (Chua, 2001). Sejauhmanakah kenyataan ini benar? Jika ya, apakah puncanya? Apa yang paling merisaukan lagi ialah apakah kesan yang boleh berlaku dari fenomena tersebut? Rata-rata pihak memberi respon menyatakan bahawa ini punya kaitan rapat dengan tekanan kerja guru (Noriah, 1995; Chua, 2001; Chua, 2002).

Berdasarkan pernyataan di atas maka adalah menjadi satu keperluan untuk mengkaji tekanan kerja guru memandangkan pendidikan merupakan aspek terpenting dalam pembangunan sumber manusia dan pembentukan modal insani yang bakal menjadi tulang negara. Kehebatan generasi muda adalah jaminan